



UNIVERSITI  
KUBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

NARATIF BAHARU UKM  
**UNIVERSITI**  
**WATAN KITA**

# Buletin **HADHARI**

INSTITUT ISLAM HADHARI / INSTITUTE OF ISLAM HADHARI



Z008 2400-7541



9 772600 754003  
DISEMBER 2022

## PEMERKASAAN PENYELIDIKAN PERADABAN ISLAM

Sidang Pengarang / Editorial Board
Visi / Vision
Misi / Mission
Kata-kata Aluan Pengarah / Welcome Remarks of Director
Artikel Pilihan / Selected Artikel
Penyelidikan / Research
Penerbitan / Publication
Pendidikan / Education
Kalendar 2022 / Calendar 2022
Aktiviti / Aktivity
Jaringan / Networking
Penghargaan / Appreciation

**Penasihat / Advisor**  
Fariza Md Sham

**Ketua Editor / Chief Editor**  
Shamsul Azhar Yahya

**Penolong Ketua Editor / Assistant Chief Editor**  
Norshariani Abd Rahman

**Editor / Editors**  
Muhammad Hilmi Jalil  
Siti Maheran Ismail @ Ibrahim  
Siti Asuha Said  
Zubaidah Mohd Nasir  
Wan Muhammad Hazim Wan Mustapa

**Jurugambar / Photographer**  
Muhammad Rusydi Baharom

**Pembantu Editor / Editorial Board**  
Saidatul Akma Saad

Buletin ini diterbitkan oleh Institut Islam Hadhari UKM dan dikeluarkan setahun sekali  
*This bulletin is published by Institute of Islam Hadhari UKM and is issued annually*

**Visi / Vision**  
Institut bertekad untuk Menjadi Pusat Kecemerlangan Muktabar dalam  
*Pembangunan Peradaban Islam Sejagat*  
*This Institute Aims to Become a Centre of Excellence in the*  
*Development of Islamic Civilization Globally*

**Misi / Mission**  
Menerajui Pendekatan Peradaban Islam Melalui Kegiatan Ilmiah  
*Leading Islamic Civilizational Approach Through Scientific Activities*

# KATA-KATA ALUAN PENGARAH

## WELCOME REMARKS OF DIRECTOR



Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah atas penerbitan buletin Hadhari 2022. Pada tahun 2022 Institut Islam Hadhari (HADHARI) telah memperkasa penyelidikan dalam Peradaban Islam. Pada tahun 2022, HADHARI memperluas penyelidikan melalui jaringan antarabangsa dengan menandatangani 4 memorandum persefahaman (MoU) iaitu bersama *Tashkent State University of Oriental Studies* (Uzbekistan), *International Islamic Academy of Samarkand* (Uzbekistan), *Sakarya University* (Turkey) dan *Universitas Islam Negeri Kiai Haji Achmad Siddiq Jember* Jawa Timur (Indonesia). Hasil daripada jaringan antara HADHARI bersama *Imam Bukhari International Scientific Research Center* (Uzbekistan), 3 orang felo penyelidik telah menerima biasiswa sangkutan penyelidikan *Imam Bukhari International Scholarship* berkaitan penyelidikan manuscrip selama 2 bulan. Pada peringkat kebangsaan, HADHARI telah menandatangani MoU dan MoA bersama Undang Luak, Johor.

(Uzbekistan), 3 orang felo penyelidik telah menerima biasiswa sangkutan penyelidikan *Imam Bukhari International Scholarship* berkaitan penyelidikan manuscrip selama 2 bulan. Pada peringkat kebangsaan, HADHARI telah menandatangani MoU dan MoA bersama Undang Luak, Johor.

Pada tahun 2022, HADHARI juga telah berjaya mendapat penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim yang baharu iaitu Prof. Dr. Abdul Ghafar Ismail. Pada 20 September 2022, beliau telah menyampaikan Syarahan Kursi Sheikh Abdullah Fahim yang bertajuk *The Light to Recovery after Pandemic*. Selain itu, pelbagai bengkel, taklimat, sesi perkongsian, wacana dan forum yang berkaitan pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan pengetahuan isu semasa telah dianjurkan bersama bagi memantapkan kompetensi felo dalam penyelidikan. Lonjakan dalam dana penyelidikan yang diterima dan penerbitan buku, bab dalam buku, makalah jurnal berindeks serta jurnal *Quartile* pada tahun 2022 hasil daripada komitmen padu oleh felo-felo HADHARI amat dihargai melalui Hari Anugerah Kualiti yang julung kali diadakan di peringkat HADHARI. Akhir kata, semoga Institut Islam Hadhari (HADHARI) terus cemerlang di persada dunia dalam memperkasa penyelidikan dalam Peradaban Islam. Tahniah dan terima kasih atas penerbitan Buletin HADHARI 2022.

**Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham FASc**  
Pengarah Institut Islam Hadhari (Islamic Civilization), UKM

## ARTIKEL PILIHAN / SELECTED ARTIKEL

Disediakan Oleh: Dr. Norshariani Abd Rahman

Hima telah wujud sebelum kedatangan Islam tetapi hanya untuk golongan yang berkuasa dan berpengaruh seperti ketua kabilah. Penentuan keluasan Kawasan hima ditentukan melalui bunyi salakan anjing yang boleh didengar. Konsep dan amalan hima dalam zaman jahiliah berbeza seperti mana yang diamalkan oleh undang-undang Islam. Hima dalam zaman jahiliah adalah khusus untuk orang-orang tertentu sahaja. Pada kebiasaannya ia dilakukan oleh golongan yang berkuasa dan berpengaruh dalam masyarakat untuk kepentingan diri sendiri. Apabila golongan yang berkuasa menentukan suatu kawasan sebagai kawasan hima untuk kepentingannya, maka ia boleh berbuat apa sahaja di atas tanah tersebut tanpa mengira kepentingan masyarakat awam. Malah tanpa menghiraukan adakah ia boleh menimbulkan kemudarat kepada masyarakat ataupun tidak. Namun, selepas kedatangan Islam, Rasulullah SAW telah membetulkan konsep hima iaitu dengan mengubah hak milik persendirian kepada hak milik masyarakat awam secara bersama.

Pada awal Islam, hima digazetkan untuk tujuan penempatan kuda milik kerajaan atau milik golongan fakir miskin. Antara contoh kawasan yang digazetkan ialah kawasan taman permainan, hutan simpan, taman haiwan, kawasan tadahan air, dan padang ragut yang diselia oleh pihak berkuasa negara. Apabila kawasan telah digazetkan sebagai hima, orang ramai dilarang melakukan aktiviti memburu, menebang pokok, pembalakan, pemusnahan pokok atau hutan. Antara konsep hima yang diamalkan oleh Rasulullah SAW ialah i. merizabkan tanah di Madinah termasuk sebuah bukit di Baqi' untuk kegunaan golongan Ansar dan Muhajirin, ii. merizabkan sebidang tanah di Naqi' untuk kegunaan penempatan kuda orang-orang Islam dan iii. menjadikan Kota Mekah dan Madinah sebagai tanah Haram yang mana dilarang untuk melakukan pemburuan dan kerosakan terhadap tumbuh-tumbuhan. Konsep hima diteruskan pada zaman Khulafa' al-Rashidin. Terdapat Hadis yang berkaitan hima diriwayatkan oleh Ibn Abbas iaitu:

## Penerokaan Konsep *Hima* di Tasik Kenyir



"Tiada hima dibenarkan kecuali untuk Allah dan Rasul-Nya" (Riwayat Ibn Abbas) Melalui hadis ini, jelas menunjukkan bahawa konsep hima dilihat turut mengutamakan hubungan antara manusia dengan Pencipta, hubungan manusia dengan manusia serta hubungan manusia dengan alam"

Konsep hima juga dilaksanakan di luar negara bagi tujuan pemuliharaan kepelbagaiannya biologi dan setempat. Arab Saudi melaksanakan hima dengan kerjasama World Wide Fund for Nature (WWF). Begitu juga di Lebanon yang mana hima dilaksanakan oleh Society for the Protection of Nature bagi tujuan eko pelancongan dan penjagaan alam sekitar. Antara yang dilaksanakan dalam Kawasan hima ialah penternakan lebah, pemerhatian burung dan pendakian tanah tinggi. Di Indonesia pula, masyarakat di Rimbang Baling, Riau menutup dan membuka lubuk dalam jangka masa yang tertentu bagi memberi rezeki kepada masyarakat setempat. International Union for Conservation of Nature (IUCN) mengiktiraf hima sebagai simbol keadilan sosial dan instrumen pemuliharaan alam sekitar.

Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menggazetkan hutan simpan kekal, hutan taman negara dan hutan taman negeri-negeri. Antaranya ialah Taman Negara Pahang, Taman negara Tanjung Mentong, Taman Negara Endau Rompin, Taman Negara Royal Belum, Taman Negara Mulu dan lain-lain. Tujuan utama menggazetkan hutan simpan ialah untuk menjaga dan memulihara kepelbagaiannya biologi.

Pada 4 - 7 Mac 2022, ahli penyelidik Geran Penyelidikan Kursi Sheikh Abdullah Fahim (RH-2020-001) telah menjalankan kerja lapangan di Taman Negara Tanjung Mentong, Tasik Kenyir, Terengganu. Tujuan kerja lapangan ini dijalankan bagi mengkaji aplikasi konsep hima daripada aspek pengurusan kepelbagaiannya biologi, kualiti air, kualiti udara dan pengurusan sisa pepejal. Secara khususnya terdapat 4 lokasi yang terlibat dalam penyelidikan ini iaitu di Sungai Cacing, Sungai Terengganu, air terjun Lasir dan air terjun Saok. Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan pegawai PERHILITAN, terdapat enam (6) spesies utama ikan yang terdapat di Tasik Kenyir iaitu Sebarau, Kelah, Lampan, Siakap, Patin dan Toman. Lokasi pertama penyelidikan iaitu di Sungai Cacing, tidak dibenarkan memancing. Ini bagi memastikan penternakan ikan-ikan yang terdapat di kawasan tersebut bebas daripada ancaman. Berdasarkan data emperikal, secara keseluruhan kualiti air dan udara berada pada tahap yang baik.



Penyelidik juga berkesempatan merintis hutan untuk melihat pokok yang terbesar dijumpai di Tasik Kenyir iaitu pokok melunak. Anggaran jarak untuk melihat pokok melunak ialah 850 meter dan terdapat trek telah dibuat bagi memudahkan pengunjung. Pokok melunak dianggarkan berusia 360 tahun. Sepanjang merintis hutan untuk melihat pokok Melunak, setiap spesies pokok dilabelkan untuk memberi pendidikan kepada pengunjung berkaitan dengan nama-nama spesies pokok yang terdapat di taman negara. Penyelidik juga berpeluang mengunjungi Taman Herba dan Gua Bewah.



Menurut pegawai PERHILITAN yang mengiring, Tasik Kenyir diuruskan dan dibawah bidang kuasa tiga (3) pihak iaitu Jabatan PERHILITAN, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Taman Negeri di bawah kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Peraturan di setiap lokasi di bawah bidang kuasa ini adalah berbeza tertakluk kepada bidang kuasa. Hasil daripada kerja lapangan ini, satu video berkaitan dengan pengurusan alam sekitar tauhidik yang berjaya dihasilkan dan menjadi bahan pengajaran kepada kursus Alam sekitar dan Kelestarian serta Kursus Pengantar Pendidikan Bersepadu (topik: Sains Tauhidik).

## JURNAL HADHARI: AN INTERNATIONAL JOURNAL

(ISSN: 1985-6830 / EISSN 2550-2271)



### CALL FOR SUBMISSION

Jurnal Hadhari: An International Journal (ISSN: 1985-6830 / eISSN 2550-2271) is a refereed and indexed journal published by UKM Press, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), and the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). The journal focuses on topics related to Islamic Civilization, including social cultural studies, history, philosophy, ethics, leadership, politics, media, economics, management, science & technology, health and environmental studies.

At present, Jurnal Hadhari: An International Journal is indexed in Ulrich, Google Scholar, Malaysian Citation Centre (MCC) & MyCite.

Submit your best paper to Jurnal Hadhari: An International Journal for publication in the upcoming issue of the journal via the online submission system at <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/about/submissions#onlineSubmissions>. Beginning in 2021, articles written in English will be given the highest priority for publication.

For further information, please visit the following website: [ejournals.ukm.my/jhadhari](http://ejournals.ukm.my/jhadhari).

## JURNAL HADHARI: AN INTERNATIONAL JOURNAL

Disediakan Oleh : Siti Asuha Said

Call For Submission

*Jurnal Hadhari: An International Journal (ISSN: 1985-6830/ eISSN 2550-2271) is a refereed and indexed journal published by UKM Press, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). The journal focuses on topics related to Islamic Civilization, including social cultural studies, history, philosophy, ethics, leadership, politics, media, economics, management, science & technology, health and environmental studies.*

*At present, Jurnal Hadhari: An International Journal is indexed in Ulrich, Google Scholar, Malaysian Citation Centre (MCC) & MyCite.*

*Submit your best paper to Jurnal Hadhari: An International Journal for publication in the upcoming issue of the journal via the online submission system at:*

*<http://ejournals.ukm.my/jhadhari/about/submissions#onlineSubmissions>. Beginning in 2021, articles written in English will be given the highest priority for publication*

*For further information, please visit the following website: [ejournals.ukm.my/jhadhari](http://ejournals.ukm.my/jhadhari).*

# HADHARI MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN PERADABAN ISLAM *Di Uzbekistan*

Disediakan Oleh : Prof. Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri, Dr. Muhammad Hilmi Jalil & Dr. Nurul Hafizah Mohd Nor



Tiga orang fello penyelidik telah menerima biasiswa sangkutan penyelidikan *Imam Bukhari International Scholarship* berkaitan penyelidikan manuskrip iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri, Dr. Muhammad Hilmi Jalil dan Dr. Nurul Hafizah Mohd Nor. Mereka telah berada di *Imam Bukhari International Scientific Research Center*, Uzbekistan selama 2 bulan bagi menjalankan kajian manuskrip yang berkaitan Imam Bukhari.

Prof Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri menjalankan penyelidikan di *Imam Bukhari International Scientific Research Center*, Uzbekistan selama dua bulan bermula April sehingga Mei 2022. Beliau juga merupakan penerima pertama Program Biasiswa Antarabangsa Imam Bukhari. Sepanjang tempoh tersebut, penyelidik telah didedahkan kepada pelbagai aktiviti dan operasi pusat tersebut termasuk muzium, pameran, perpustakaan dan seminar antarabangsa. Penyelidik telah menjalankan kajian berkaitan 'Pemelukuan Islam dalam Kalangan Kanak-kanak Menurut Imam al-Bukhari dalam al-Jami al-Sahih' berasaskan kitab-kitab syarah hadith. Penyelidik telah memanfaatkan bahan-bahan dan kekayaan sumber ilmiah yang disediakan oleh Pusat tersebut dan institusi lain sepanjang berada di Uzbekistan.



Dr. Muhammad Hilmi Jalil menjalankan penyelidikan bertajuk Kerangka Identiti Muslim berasaskan Sahih Al-Bukhari, pada 1 Jun hingga 31 Julai 2022. Kajian tersebut melibatkan pandangan pakar dan rujukan manuskrip di *Buxoro Davlat Universiteti, Museum of Art, Bukhara State Museum-Preserve, Imam Maturidi International Scientific Research Centre, the library of International Islamic Academy of Uzbekistan, Alisher Navoiy Nomidagi Milliy Kutubxona dan the Institute of Oriental Studies named after Abu Rayhan Beruni*. Dari sejumlah lebih 7000 hadis Sahih al-Bukhari, 119 darinya telah digunakan untuk membina kerangka identiti Muslim.

Dr. Nurul Hafizah Mohd Nor menjalankan sangkutan penyelidikan bertajuk 'Modern Scientific Discoveries In Sahih Al-Bukhari' di *Imam Bukhari International Scientific Research Center*, Samarkand bermula Ogos sehingga September 2022. Penyelidikan rentas disiplin yang dijalankan tersebut melibatkan ilmu hadis dan sains moden, dengan menfokuskan kepada penemuan saintifik moden yang bertepatan dengan Sahih Al-Bukhari. Beliau juga berkesempatan meneliti karya ulama hadis terkenal serta karya warisan intelektual zaman kegemilangan Islam di Bukhara. Selain menjalankan penyelidikan, beliau turut dijemput menyampaikan syarahan di *Tashkent State University of Oriental Studies*.



## PENYELIDIKAN / RESEARCH

Disediakan Oleh : Siti Maheran Ismail @ Ibrahim

### Kelulusan Geran Penyelidikan Baharu Tahun 2022

Kolaborasi dan kerjasama strategik warga Institut Islam Hadhari dengan institusi luar telah meningkatkan pencapaian daripada segi pendanaan penyelidikan. Pada tahun 2022, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di bawah Jabatan Perdana Menteri telah membiaya penyelidikan yang bertajuk *The Future of Malay Reserved Land, Natives Land and Waqf Land* diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri. Projek penyelidikan yang bertajuk Akomodasi Adat Dan Amalan Masyarakat Asli Pasca Konversi Berdasarkan Kerangka Fiqh Islami, diketuai oleh Prof. Dr. Abdul Ghafar Bin Don pula telah dibiaya oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Cik Zubaidah Mohd Nasir telah berjaya memperolehi dana penyelidikan daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) sebanyak RM80,000.00 dan menjadi pendanaan geran penyelidikan tertinggi pada tahun 2022. Geran Kursi Sheikh Abdullah Fahim di bawah kategori Dana Dalaman telah meluluskan dua projek penyelidikan yang setiap satunya bernilai RM30,000.00 kepada Prof. Ir. Dr. Ahmad Ashrif Bin A Bakar dan Dr. Nurul Hafizah Mohd Nor. Jumlah keseluruhan pendanaan penyelidikan yang diperoleh pada tahun 2022 termasuk Dana Penerbitan Buku dan Dana Pecutan Penerbitan adalah sebanyak RM269,090.00.

JENIS GERAN	BILANGAN PROJEK PENYELIDIKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Geran Universiti	2	60,000.00
Geran Kebangsaan	3	176,190.00
Dana Pecutan Penerbitan	1	25,900.00
Dana Penerbitan Buku	2	7,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>8</b>	<b>269,090.00</b>

## PENERBITAN / PUBLICATION

Disediakan Oleh : Siti Maheran Ismail @ Ibrahim

Institut Islam Hadhari terus melakar kecemerlangan menerbitkan buku, bab dalam buku, makalah jurnal berindeks dan makalah jurnal berimpak tinggi pada tahun 2022. Peningkatan menerbitkan makalah dalam jurnal Quartile meningkat kepada 21 makalah. Kesarjanaan dan kepakaran warga HADHARI terus terserlah di peringkat kebangsaan dalam memberikan input dan menghasilkan kertas dasar/polisi. Di samping itu, penghasilan penulisan dalam lain-lain penerbitan juga telah menyumbang kepada pencapaian penerbitan Institut Islam Hadhari.

### Jenis Penerbitan

Jurnal Berindeks  
WOS/SCOPUS/  
ERA/MyCite

### Bilangan

**82 Makalah**

Jurnal Quartile 1 (Q1): 9  
Jurnal Quartile 2 (Q2): 9  
Jurnal Quartile 3 (Q3): 1  
Jurnal Quartile 4 (Q4): 2

Kertas Dasar/ Polisi

4

Buku

15

Bab Dalam Buku

23

Jurnal Lain-lain Indeks dan  
Jurnal Tidak Berindeks

7

Prosiding / Pascasidang

5

Laporan Penyelidikan

6

Bahan Seminar /  
Persidangan

11

Ulasan Buku

1

Penulisan Popular Dalam  
Bidang

12

Bahan Pengajaran /  
Penyebaran Ilmu

19

Wawancara Akhbar /  
Majalah

12

Wawancara TV / Radio

40

**Jumlah**

**237**

## PENDIDIKAN / EDUCATION

Disediakan Oleh : Mohd Nor Adzhar Adnan & Fatin Hanani Badrul Zaman

Jumlah Pelajar  
Hadhari 2022

80 Doktor Falsafah

22 Sarjana

Jumlah Pelajar  
Graduat 2022

10 Doktor Falsafah

2 Sarjana

## KALENDAR 2022 / CALENDAR 2022

Disediakan Oleh : Dr. Norshariani Abd Rahman

26 Januari 2022

Forum Hadhari :  
*International Forum  
Muslim Scientists' Contribution to the world*

5 Februari 2022

Siri Wacana Akademi Falak  
Malaysia: Alam Semester  
Menurut al-Quran

9 & 10 Februari 2022

5<sup>th</sup> International Seminar on  
*Islamic Civilization (ISIC 2022)*

22 Februari 2022

Hari Anugerah Kualiti  
Institut Islam Hadhari

23 Februari 2022

Lawatan Penandarasan  
Kursi Sheikh Abdullah  
Fahim dari Perpustakaan  
Universiti Selangor (UNISEL)

25 Februari 2022

Bengkel Pengisian  
Permohonan Perlindungan  
Harta Intelek Melalui Sistem  
e-IPP

15 Mac 2022

Majlis menandatangani  
MoU antara UKM dan  
Sakarya University, Turkey

22 Mac 2022

Sesi Perkongsian Tatacara  
Permohonan Etika  
Penyelidikan Bagi Bidang  
Sains Sosial dan  
Kemanusiaan

23 Mac 2022

Forum Hadhari :  
*Contribution of Islamic  
Scholars in Falak/Islamic  
Astronomy*

29 Mac 2022

Majlis Menandatangani MoU  
antara UKM dan Taskent State  
University of Oriental Studies  
& International Islamic  
Academy of Uzbekistan

30 Mac 2022

Taklimat Pelajar Baharu  
Semester 2 Sesi Akademik  
2021/2022

21 April 2022

Majlis Berbuka Puasa  
Bersama warga Hadhari

26 April 2022

Wacana Hadhari :  
Dinamika dalam Penentuan  
Aidlfitri di Malaysia

11 Mei 2022

Majlis Menandatangani MoU  
dan MoA antara UKM dan  
Undang Luak, Johor

19 Mei 2022

2<sup>nd</sup> Seminar on Scholars of  
*Islamic Civilization (SSIC  
2022)*

13 Jun 2022

Wacana Hadhari :  
Bagaimana menghasilkan  
e-buku sendiri? Tips dan  
Panduan

5 Julai 2022

Forum Kursi Sheikh  
Abdullah Fahim: Bor  
Ondori: Pesta Keagamaan  
atau Hanya Hiburan?

19 Julai 2022

Syarahan Profesor Emeritus:  
Menjejak Kebernar Sains  
dalam Meniti Kebernar  
Ilahi

27 & 28 Julai 2022

Seminar Serantau  
Peradaban Islam Ke-2

8 Ogos 2022

Kunjungan Jaringan  
Antarabangsa daripada  
Pengurusan MCAS Darul  
Arqam, Singapura

12 Ogos 2022

Sesi Perkongsian Penulisan  
dan Penerbitan Makalah  
Jurnal Berimpak Tinggi

18 Ogos 2022

Bengkel Penulisan Artikel  
Bersifat Literature Review

18 Ogos 2022

Program Gaya Hidup Sihat  
(senam Aerobik dan Gotong  
Royong)

25 Ogos 2022

Wacana Hadhari :  
Fiqh al-Ta'ayush dan  
Keluarga Malaysia

15-30 Ogos 2022

*Virtual Summer School:  
Islam in Malaysia*

13 September 2022

Bengkel Pelaporan Seminar  
Serantau Peradaban Islam

19 September 2022

Bengkel Siswazah:  
SmartPLS

20 September 2022

Syarahan Kursi Sheikh  
Abdullah Fahim: *The Light  
to Recovery after Pandemic*

21 September 2022

Kolokium Siswazah:  
Pembentangan Hasil Kajian  
& Usulan Penyelidikan

28 September 2022

Wacana Hadhari :  
Memperingati Kesarjanaan  
Sheikh Prof. Dr. Yusuf  
al-Qaradhawi

29 September 2022

Bengkel Permentoran  
Usulan Penyelidikan Geran  
*The Sumitomo Foundation*

6 Oktober 2022

Webinar: Bengkel Bimbingan  
Pengurusan Projek  
Penyelidikan

13 Oktober 2022

Bengkel Siswazah: Kaedah  
Penulisan Penyataan  
Masalah dalam Tesis

17 Oktober 2022

Kunjungan Hormat  
daripada Delegasi Republic  
of Uzbekistan

17 Oktober 2022

Program Sirih Pulang ke  
Gagang Siri 3. Perkongsian  
pengalaman bersama Nadi  
HADHARI

26 & 27 Oktober 2022

International Conference on  
*Islamic Civilization, Science  
and Humanities (ICISH  
2022)*

16 November 2022

Bengkel Siswazah Hadhari:  
*Novelty in Research*

16 November 2022

Wacana Hadhari :  
*Unchangeable/Changeable  
Regime, Media, and Social  
Movement: The two decades of  
Malaysian politics and Society  
from a Japanese field researcher*

22 November 2022

Wacana Hadhari :  
Sheikh Abdullah Fahim:  
Naratif dalam Pendidikan  
Masyarakat Melayu

24 November 2022

Bengkel Pemantauan  
Projek Penyelidikan Geran  
Kursi Sheikh Abdullah  
Fahim

29 November

Majlis menandatangani  
MoU Bersama Universitas  
Islam Negeri Kiai Haji  
Achmad Siddiqi Jember  
Jawa Timur, Indonesia

30 November 2022

Majlis Pengiktirafan Penyelia  
dan Apresiasi Graduan

8 Disember 2022

Seminar Psikologi Islam  
Bersama Universitas Islam  
Indonesia

14 Disember 2022

Bengkel Penulisan dan  
Penerbitan Makalah Jurnal  
Berimpak Tinggi

22 Disember 2022

Bengkel Pembentangan  
Usulan Penyelidikan  
FRGS 2023

## AKTIVITI / ACTIVITY

Disediakan Oleh : Dr. Norshariani Abd Rahman

### Hari Anugerah Kualiti

Hari Anugerah Kualiti, Institut Islam Hadhari julung kali diadakan pada 22 Februari 2022 bagi menghargai sumbangan dan pencapaian warga IIH yang cemerlang pada tahun 2021. Terdapat 6 kategori anugerah penyelidikan dan penerbitan yang diberikan kepada felo iaitu:



Semoga dengan anugerah-anugerah yang diberikan memberi motivasi dan semangat kepada seluruh warga IIH dalam mencapai kecemerlangan di dunia dan juga di akhirat.

**Anugerah kecemerlangan Pendanaan Geran Penyelidikan Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham FASc**

**Anugerah Makalah Jurnal Terbaik Prof. Dr. Latifah Amin**

**Anugerah Buku Terbaik Prof. Madya Dr. Mazlan Ibrahim; Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham FASc & Dr. Aguswan Rasyid**

**Anugerah Makalah Quartile terbanyak Prof. Dr. Latifah Amin**

**Anugerah Penyelidik Harapan Dr. Norshariani Abd Rahman**

**Anugerah Harta Intelek Prof. Madya. Dr. Mohd Al Adib Samuri**

Institut Islam Hadhari telah menganjurkan pelbagai program kepada pelajar siswazah HADHARI. Semua program tersebut dijalankan secara berterusan sepanjang tahun, bagi membantu meningkatkan kualiti pelajar daripada aspek sokongan kepada pengajian, penyelidikan serta memberi penghargaan kepada pelajar yang telah tamat pengajian.

### TAKLIMAT PELAJAR BAHARU Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023

Sesi taklimat pelajar baharu Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023 telah diadakan pada 17 Oktober 2022 secara hibrid (Aplikasi Zoom dan Bilik Mesyuarat Aras 1, Institut Islam Hadhari, UKM). Taklimat ini disampaikan oleh Dr. Muhammad Hilmi Jalil, Penyelaras Siswazah, Institut Islam Hadhari. Dalam sesi taklimat ini, pelajar yang baharu mendaftar di HADHARI diberi taklimat berkaitan tanggungjawab sebagai penyelidik siswazah serta kemudahan yang boleh digunakan sepanjang pengajian peringkat sarjana dan Doktor Falsafah di HADHARI, UKM.

### AKTIVITI SISWAZAH

Disediakan Oleh : Dr. Muhammad Hilmi Jalil



## Majlis Pengiktirafan Penyelia dan Meraikan Graduan

Institut Islam Hadhari, UKM



Majlis pengiktirafan penyelia dan meraikan graduan Institut Islam Hadhari, UKM telah diadakan pada 30 November 2022 bertempat di Ruang Siswazah, Institut Islam Hadhari, UKM. Majlis ini diadakan bagi mengiktiraf sumbangan semua penyelia yang telah membimbing graduan sehingga selesai menyempurnakan penyelidikan dan menamatkan pengajian sarjana dan Doktor Falsafah. Majlis ini juga turut meraikan semua graduan yang akan dianugerahkan ijazah masing-masing dalam majlis konvokesyen UKM tahun ini.

## Bengkel Siswazah Hadhari SmartPLS

Alumni HADHARI, YBrs. Dr. Nur Izzaty Mohamad dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, telah menyumbang kembali bakti pelajar Institut Islam Hadhari melalui ceramah beliau yang disampaikan dalam Bengkel Siswazah Hadhari SmartPLS, yang diadakan pada 19 September 2022, bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 1, Institut Islam Hadhari.



## Kolokium Siswazah Institut Islam Hadhari, UKM

Noor Hayati Ahmad Rasol

Kolokium Siswazah Institut Islam Hadhari telah diadakan pada 27 September 2023. Pengajuran kolokium ini adalah salah satu usaha Institut Islam Hadhari dengan matlamat untuk memantau prestasi penyelidikan pelajar siswazah di samping membantu mereka menghasilkan pembentangan seminar, penulisan artikel jurnal dan memenuhi syarat pembentangan hasil penyelidikan bagi tujuan bergraduat. Kolokium pada tahun ini telah disertai oleh sepuluh (10) orang pelajar siswazah Institut Islam Hadhari dari dalam dan luar negara dengan pembentangan hasil kajian mereka. Wadah perbincangan ilmiah ini adalah dengan kerjasama NADI Hadhari sebagai Pengajur Bersama dengan skop perbincangan dalam tujuan Politik & Kepimpinan, Sosio-budaya, Ekonomi, Pengurusan & Perniagaan dan Sains & Teknologi, Alam Sekitar dan Kesihatan. Seramai tiga (3) pembentang terbaik juga telah terpilih pada kolokium ini.

## NADI HADHARI

Disediakan Oleh : Zubaidah Mohd Nasir

# Siri Pulang ke Gagang Siri 3

## “Perkongsian Pengalaman bersama NADI HADHARI”

**SIRIH PULANG KE GAGANG SIRI 3**

**Perkongsian Pengalaman bersama NADI HADHARI**

• 17 OKTOBER 2022 • ISNIN • 10.30 PAGI

• zoom <https://bit.ly/nadihadhari2022>

<b>MODERATOR</b> 	<b>PANEL</b> 	<b>PANEL</b> 
----------------------	------------------	------------------

Puan Qurraatu Alni Mat Ali  
Pelajar Doktor Falsafah,  
Institut Islam Hadhari, UKM

Dr. Nurshahira Ibrahim  
Pensyarah Kanan,  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang

Encik Mohd Irfan Mohd Terin  
Pelajar Doktor Falsafah,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

www.uitm.my/nadihadhari      03 - 85216968      [in](#) [f](#) [r](#) Institut Islam Hadhari USM

Forum Alumni Sirih Pulang ke Gagang Siri 1/2022 yang bertajuk Perkongsian Pengalaman bersama Nadi Hadhari telah diadakan pada 17 Oktober 2022. Ahli panel forum ini merupakan Alumni yang pernah memegang jawatan dalam Persatuan Siswazah Hadhari (Nadi Hadhari) semasa menyambung pengajian pascasiswazah di Institut Islam Hadhari, UKM. Panel Alumni yang pertama ialah Dr. Nurshahira Ibrahim yang merupakan pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang.

Beliau yang merupakan mantan ahli exco tertinggi Nadi Hadhari telah berkongsi pengalaman beliau dalam mengendalikan pelbagai program Nadi Hadhari antaranya Wacana Peradaban Islam, Program Jaringan Muhibbah di Indonesia, Simposium Peradaban Islam 1.0, Majlis Menandatangani MoU antara Institut Islam Hadhari dan Dirosat Al-Amien Prenduan Sumenep, Indonesia dan Jejak Tamadun Jepun di Osaka, Nara, Kyoto, Hiroshima dan Tokyo dan Malam Anugerah Siswazah Hadhari. Menurut beliau antara program yang dikendalikan, Program Jejak Tamadun Jepun merupakan program yang paling mencabar. Program ini memerlukan dana yang banyak dan berkat kerjasama antara ahli persatuan, pelbagai usaha telah dilakukan bagi merealisasikan program tersebut.

Antara usaha dalam mendapatkan dana ke Jepun adalah dengan mengadakan Program Kursus Pra Perkahwinan (hasil kutipan: RM13,500), hasil Simposium Peradaban Islam 1.0 (RM8,000), menyampaikan ceramah di

Masjid KLCC (RM4,800), Program Mobiliti Pelajar (UKM) (RM7,000) dan Nadi Hadhari juga telah mendapat tajaan daripada Brahim's Food Services Sdn. Bhd. iaitu makanan yang mudah dibawa ke Jepun. Beliau yang aktif menjalankan pelbagai program Nadi Hadhari ini juga merupakan penerima Anugerah Tesis Cemerlang bagi Pengajian Doktor Falsafah Peradaban Islam.

Selain Dr. Nurshahira Ibrahim, pihak Institut Islam Hadhari juga telah menjemput panel Alumni yang kedua iaitu Encik Mohd Irfan Mohd Terin yang menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Beliau merupakan mantan Yang di-Pertua Persatuan Siswazah Nadi Hadhari selama dua (2) tahun berturut-turut bermula pada tahun 2017. Beliau juga berkongsi pengalaman dalam mengadakan Simposium Peradaban Islam 2.0 dan jaringan antara persatuan lain serta turut serta program yang diadakan bersama Dr. Nurshahira Ibrahim.

## SEMINAR

Disediakan Oleh : Puan Siti Asuha Said

*5<sup>th</sup> International Seminar on Islamic Civilization (ISIC 2022)*, anjuran Institut Islam Hadhari, UKM dengan kerjasama Department of Arabic Language and Culture, National Chengchi University, Taiwan; Fakulti Pengajian Islam, UKM; dan Pusat Citra Universiti (CITRA UKM), UKM telah diadakan pada 9 & 10 Februari 2022 secara dalam talian aplikasi Webex & Hybrid (Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia).



Seminar on Scholars of Islamic Civilization (2022) telah diadakan pada 19 Mei 2022. Seminar ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, UKM dengan kerjasama Center of Islamic Civilization in Uzbekistan, Cabinet of Ministers of the Republic of Uzbekistan, International Islamic Academy of Uzbekistan, Al-Biruni Institute of Oriental Studies, Uzbekistan Academy of Sciences, Imam Maturidi International Scientific Research Center, Imam Bukhari International Scientific Research Center, International Scientific - Research Centre of Imam Tirmizi dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim.



Seminar Serantau Peradaban Islam Ke- 2 (2022) telah diadakan pada 27 & 28 Julai 2022. Seminar ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam dan Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien Prenduan, Madura, Indonesia.

*International Conference on Islamic Civilization, Science and Humanities (ICISH2022)* telah diadakan pada 26 & 27 Oktober 2022. Seminar ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Masutani Laboratory of Rikkyo University, Tokyo Jepun dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim.



## WACANA DAN FORUM

HADHARI sentiasa terkehadapan dalam membincangkan isu semasa masyarakat dan negara. Beberapa siri Wacana dan Forum telah diadakan. Forum Hadhari Bil. 1/2022: *International Forum Muslim Scientists' Contribution to The World*" telah diadakan pada 26 Januari 2022. Forum ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Imam Bukhari International Scientific Research Center, Center of Islamic Civilization in Uzbekistan, International Islamic Academy of Uzbekistan, Embassy of the Republic of Uzbekistan in Malaysia dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim. Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada Prof. Ir. Dr. Ahmad Ashrif A. Bakar (Fakulti Kejuruteraan Alam Bina, UKM/ Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM), Dr. Nasriddin Mirzayev (Center of Islamic Civilization in Uzbekistan), Prof. Dr. Turaev Bakhtiyor Omonovich (Imam Bukhari International Scientific Research Center, Uzbekistan) dan Dr. Durbek Rakhimjonov (International Islamic Academy of Uzbekistan). Moderator adalah Dr. Nurul Hafizah Mohd Nor (Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM).



Hadhari Forum No. 2/2022 "Contribution of Islamic Scholars in Falak/ Islamic Astronomy" telah diadakan pada 23 Mac 2022. Forum ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Center of Islamic Civilization in Uzbekistan. Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada Encik Muhammad Hafez Bin Ahmat Murtza (Founder & CEO, Apadilangit, Malaysia) dan Dr. Ganieva Gulnora Jamoldinova (Center of Islamic Civilization in Uzbekistan). Moderator adalah Cik Zubaidah Mohd Nasir (Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM).



Siri Wacana Akademi Falak Malaysia "Alam Semesta Menurut Al-Quran" telah diadakan pada 5 Februari 2022. Wacana ini dianjurkan oleh Persatuan Falak Syari Malaysia dengan kerjasama Akademi Falak Malaysia dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penceramah bagi wacana ini adalah Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar (Felo Kehormat APM & Penyandang Kursi Al-Ghazali ISTAC-IIUM). Moderator adalah Dr. Mohd Hafiz Safiai (Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM & Fakulti Pengajian Islam, UKM).

Forum Israk Mikraj "Sebuah Perjalanan Agung" telah diadakan pada 3 Mac 2022. Forum ini dianjurkan oleh Pusat Islam, UKM dengan kerjasama Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham FASc (Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM) dan Ustaz Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan (Pendakwah). Moderator adalah Ustaz Musa Moslim (Pusat Islam, UKM).



## WACANA DAN FORUM

Wacana Hadhari Bil. 1 2022 "Dinamika Dalam Penentuan Aidilfitri di Malaysia" telah diadakan pada 26 April 2022. Wacana ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penceramah bagi wacana ini adalah Haji Razalie Bin Haji Hussaini (Pegawai Hal Ehwal Islam/Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Sarawak). Moderator adalah Dr. Mohd Hafiz Safiai (Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM & Fakulti Pengajian Islam, UKM).



Wacana Hadhari Bil. 2 2022 "Bagaimana Menghasilkan Ebuku Sendiri? Tips Dan Panduan" telah diadakan pada 13 Jun 2022. Wacana ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penceramah bagi wacana ini adalah Dr. Syaidatun Nazirah Abu Zahrin (Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM / Pusat Citra Universiti, UKM). Moderator adalah Dr. Norshariani Abd Rahman (Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM/ Ketua Jaminan Kualiti, Institut Islam Hadhari, UKM).



Syarahan Prof. Emeritus Institut Islam Hadhari "Menjejaki Kebenaran Sains dalam Meniti Kebenaran Ilahi (In Search of Scientific Truth in Revealed Knowledge)" telah diadakan pada 19 Julai 2022. Syarahan ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim. Penceramah bagi syarahan adalah Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Hj Othman FASc (Prof. Emeritus, Institut Islam Hadhari, UKM/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Hadhari Global Foundation (HGF)). Moderator adalah Dr. Shamsul Azhar Yahya (Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM).



Wacana Hadhari Bil. 3/2022 "Fiqh Al-Ta'ayush Dan Keluarga Malaysia" telah diadakan pada 25 Ogos 2022. Wacana ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim. Penceramah bagi wacana ini adalah Prof. Dr. Badlihisham Mohd Nasir (Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sosial Sains Dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)). Moderator adalah Dr. Ahmad Irdha Mokhtar (Fakulti Pengajian Islam, UKM).

## WACANA DAN FORUM

Wacana Hadhari Bil 4/2022 "Memperingati Kesarjanaan Sheikh Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi" telah diadakan pada 28 September 2022. Wacana ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim. Penceramah bagi wacana ini adalah Prof. Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek (Profesor Kehormat, Institut Islam Hadhari, UKM). Moderator Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta (Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM).



Wacana Hadhari Bil. 5/2022 "Unchangeable Changeable Regime, Media, and Social Movements: The Two Decades of Malaysian Politics and Society from a Perspective of a Japanese Field Researcher" telah diadakan pada 16 November 2022. Wacana ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim. Penceramah bagi wacana ini adalah Assoc. Prof. Dr. Tsukasaiga (Ph.D. Political Science, Kobe University) Designated Associate Professor, Asian Satellite Campus Institute (ASCI) / Graduate School of International Development Studies (GSID), Nagoya University / Lecturer, Center for Southeast Asian Studies (CSEAS), Kyoto University. Moderator Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan (Timbalan Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM).

Wacana Hadhari Bil. 6/2022 Sheikh Abdullah Fahim; Naratif Dalam Pendidikan Masyarakat Melayu telah diadakan pada 22 November 2022. Wacana ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kursi Sheikh Abdullah Fahim. Penceramah bagi wacana ini adalah Prof. Madya Dr. Ermy Azziaty Rozali (Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia). Moderator Dr. Farid Mat Zain (Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM).



## JARINGAN / NETWORKING

## Jaringan Antarabangsa

Disediakan Oleh : Dr. Norshariani Abd Rahman

Terdapat 5 Memorandum Persefahaman (MoU) dan 1 Memorandum Perjanjian telah ditandatangani pada tahun 2022 iaitu:

- Sakarya University (Turkey)
- Tashkent State University of Oriental Studies
- International Islamic Academy of Samarkand (Uzbekistan)
- MoU dan MoA bersama Undang Luak, Johor
- Universitas Islam Negeri Kiai Haji Achmad Siddiq Jember Jawa Timur (Indonesia)

### Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan Sakarya University, Turkey



Pada 15 Mac 2022-Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Islam Hadhari telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Sakarya University (Turkey). MoU yang ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad dan Rektor Sakarya Universiti, Prof. Dr. Fatih Savasan ini bakal menyediakan platform akademik bagi penyelidik dan pelajar untuk membentuk pakatan strategik melalui penyelidikan bersama serta penerbitan antarabangsa. Hadir sama, Pengarah Institut Islam Hadhari, Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham FASc dan Kaunselor Pendidikan Turki dari Kedutaan Republik Turki, Gonul Demirel.



### Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan Tashkent State University of Oriental Studies dan International Islamic Academy of Samarkand, Uzbekistan



*An Official Visit from*  
**DEPUTY MINISTER OF FOREIGN AFFAIRS OF THE REPUBLIC OF UZBEKISTAN**  
&  
MEMORANDUM OF UNDERSTANDING SIGNING CEREMONY BETWEEN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
AND  
TASHKENT STATE UNIVERSITY OF ORIENTAL STUDIES & INTERNATIONAL ISLAMIC ACADEMY OF UZBEKISTAN

**TUESDAY** SENATE ROOM, LEVEL 5,  
**29<sup>TH</sup> MARCH 2022** CHANCELLERY BUILDING, UKM  
3.30 P.M. - 5.00 P.M.



Pada 29 Mac 2022-Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Islam Hadhari telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Tashkent State University of Oriental Studies dan International Islamic Academy of Samarkand, Uzbekistan. MoU ini ditandatangani oleh Naib Canselor UKM iaitu YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman yang mewakili UKM, Prof. Dr. Gulchekhra Rikhsieva yang mewakili Tashkent State University of Oriental Studies dan Prof. Dr. Muzaffar Kamilov yang mewakili International Islamic Academy of Samarkand, Uzbekistan. Majlis ini disaksikan oleh Pengarah Institut Islam Hadhari, Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham FASc dan Tuan Yang Terutama Ravshan Usmanov, Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia. Tetamu lain yang turut hadir ialah Prof Madya Dr Mohd Al Adib Samuri, Timbalan Pengarah Institut Islam Hadhari dan felo Institut Islam Hadhari.



**JARINGAN / NETWORKING****Jaringan Kebangsaan**

Disediakan Oleh : Dr. Norshariani Abd Rahman

**Majlis Menandatangani  
Memorandum Persefahaman (MoU) dan  
Memorandum Perjanjian (MoA)  
antara UKM dan Undang Luak, Johol.**



Majlis menandatangani MoU dan MoA antara Institut Islam Hadhari (HADHARI) UKM dengan Yayasan Undang Johol (YUJ) telah diadakan pada 11 Mei 2022 bertempat di Balai Rasmi Undang Luak Johol, Negeri Sembilan Darul Khusus. Dokumen MoU dan MoA ini ditandatangani oleh Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman mewakili UKM dan YUJ diwakili Ketua Pegawai Eksekutif YUJ, Md Ghazali Md Yasin. Majlis menandatangani MoU dan MOA ini disaksikan oleh Undang Luak Johol, YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Dato' Haji Muhammed Abdullah. MoA yang dimeterai adalah bagi penubuhan Dana Endowmen Yang Teramat Mulia Undang Luak Johol di Institut Islam Hadhari (HADHARI) sebanyak RM1,000,000 untuk pembangunan komuniti masyarakat di Kawasan Jajahan Takluk Yang Teramat Mulia Undang Luak Johol menerusi penganugerahan biasiswa bagi menjalankan pendidikan dan penyelidikan di peringkat pascasiswazah. Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dato' Ts. Dr. Norazah Mohd Nordin dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UKM, Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil serta barisan pengurusan tertinggi UKM.

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM  
PERSEFAHAMAN (MOU)**

INSTITUT ISLAM HADHARI,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA, UKM & UNIVERSITAS ISLAM NEGERI KIAI  
HAI ACHMAD SIDDIQ JEMBER  
JAWA TIMUR, INDONESIA

INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM  
2.30 PETANG  
**29 NOV 2022 SELASA** 4 JAMADILAWWAH 1444

**Majlis Menandatangani Memorandum  
Persefahaman (MoU) antara UKM dan  
Universitas Islam Negeri Kiai Haji Achmad Siddiq  
Jember Jawa Timur, Indonesia**

Pada 29 November 2022, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Islam Hadhari, UKM dengan Universitas Islam Negeri Kiai Haji Achmad Siddiq Jember Jawa Timur, Indonesia (UIN KHAS) telah berjaya diadakan dengan jayanya. MoU ini ditandatangani oleh Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman mewakili UKM dan Prof. Dr. H. Babun Suharto, M. M yang mewakili UIN KHAS. Majlis ini disaksikan oleh Pengarah Institut Islam Hadhari, Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham FASc dan Prof. Dr. Moh. Dahlan., M. Ag.



PENGHARGAAN / APPRECIATION

# Sekalung Tahniah

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)



Tahniah diucapkan kepada  
**CIK NURUL SYAHADA DIN**

atas penerimaan  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang  
bagi pencapaian pada  
tahun 2022



## Anugerah Staf Mithali



ENCIK MUHAMMAD RUSYDI BAHAROM  
(Januari sehingga Mac 2022)



CIK NURUL SYAHADA DIN  
(April sehingga Jun 2022)



TS. DR. FARAH AYUNI MOHD HATTA  
(Julai sehingga September 2022)



PUAN NABILA WAHIDA MUSA  
(Oktober sehingga Disember 2022)

## PENGHARGAAN / APPRECIATION

## Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih



**TERIMA KASIH**  
*& Selamat Maju Jaya*

**PROF. MADYA DR.  
MOHD AL ADIB SAMURI**

Di atas segala sumbangan yang telah  
dicerahkan sepanjang berkhidmat sebagai

**TIMBALAN PENGARAH**  
INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM

*Tulus Ikhlas Daripada*  
PENGURUSAN & WARGA  
INSTITUT ISLAM HADHARI

www.iish.ukm.edu.my/hadhar | 03-90214888 | [in](#) [f](#) [s](#) Institut Islam Hadhari UKM

**Prof. Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri**  
yang telah berkhidmat sebagai  
Timbalan Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM  
bermula 15 Oktober 2019 sehingga 14 Oktober 2022



**Sekalung  
Penghargaan  
& TERIMA KASIH**

**Puan Norly Ishak**  
Pembantu Tadbir P/O  
Institut Islam Hadhari, UKM

Ikhlas daripada:  
Pengurusan dan Warga  
Institut Islam Hadhari, UKM

www.iish.ukm.edu.my/hadhar | 03-90214888 | [in](#) [f](#) [s](#) Institut Islam Hadhari UKM

**Puan Norly Ishak**  
yang telah berkhidmat sebagai  
Pembantu Tadbir (P/O), Institut Islam Hadhari, UKM,  
bermula 03 Januari 2022 sehingga 13 Januari 2023.

# Selamat Datang

Institut Islam Hadhari mengucapkan  
selamat bertugas kepada:



**PROF. DR. LATIFAH AMIN**  
Felo Penyelidik Utama  
30 Jun 2022 – 29 Jun 2023



**PROF. DR. ABDUL GHAFAR ISMAIL**  
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim  
01 September 2022 – 31 Ogos 2023



**PROF. MADYA IR. DR. NAZRUL ANUAR NAYAN**  
Timbalan Pengarah  
01 November 2022 – 31 Oktober 2025



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

NARATIF BAHARU UKM  
**UNIVERSITI  
WATAN KITA**

# Buletin **HADHARI**

INSTITUT ISLAM HADHARI / INSTITUTE OF ISLAM HADHARI



[www.ukm.my/Hadhari](http://www.ukm.my/Hadhari)



03-8921 6988



Institut Islam Hadhari UKM